

## Lebih banyak koperasi menjelang 2020

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menasarkankan penambahan bilangan koperasi yang lebih memberangsangkan menjelang 2020.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, penambahan koperasi seiring dengan impak dan kualiti yang disumbangkannya kepada ekonomi negara.

“Penubuhan koperasi dilihat semakin memberangsangkan dan ia selari dengan kualiti yang disumbangkan. Koperasi mempunyai kekuatan dan kelebihan yang sangat baik terutama yang bernang di bawah Angkasa,” katanya.

Abdul Fattah berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat agung permulaan Koperasi Kemajuan Usaha Melayu Selangor Berhad (KKUMSB) 2017 di Ibu Pejabat Angkasa di sini semalam.



ABDUL FATTAH (Kanan) memperkatakan sesuatu ketika berucap merasmikan mesyuarat agung permulaan KKUMSB di Petaling Jaya semalam.

Hadir sama, Pengerusi Penaja KKUSMB, Tuan Mohd. Sabri Bakar dan Pegawai Penyelia Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia Selangor, Mohd. Zahari Bahri.

Tambahnya, jumlah angkatan koperasi yang kini mencecah kira-kira 13,500 buah di seluruh negara secara tidak langsung membantu dalam memacu pertumbuhan

serta pembangunan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

“Dengan jumlah ahli koperasi seramai lapan juta orang pada masa kini, saya percaya dan yakin gerakan koperasi bakal merancakkan lagi industri pengkoperasian negara sekali gus meningkatkan pendapatan Keluaran Dalam Negara Kasar,” ujarinya.